



**Tatakelakuan**

V01 Disember 2020

# Cara Kami Bekerja

Apabila kami memilih untuk melakukan perkara yang betul, kami saling memperkukuh dan melindungi satu sama lain, komuniti dan perniagaan kami.



# Kandungan

<b>Mesej daripada Pengarah Urusan dan CEO</b>	<b>3</b>
<b>Tujuan Kita</b>	<b>4</b>
<b>Ikatan Kita</b>	<b>5</b>
<b>Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas</b>	<b>6</b>
<b>Bersuara</b>	<b>7</b>

## **01 Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan**

Kekalkan tempat kerja yang selamat dan sihat	9
Bertindak atas insiden kesihatan dan keselamatan, risiko dan peluang	11

## **02 Kami melayani semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah**

Cipta kepelbagaian, penyertaan dan kehormatan di tempat kerja	14
Hormati hak asasi manusia	16

## **03 Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita**


Perkukuhkan komuniti kita	18
Bersikap proaktif dalam melindungi alam sekitar	20

## **04 Kami melindungi perniagaan kami**

Bersaing secara adil, beretika dan sah	23
Katakan tidak pada sogokan dan rasuah	25
Berhati-hati apabila melantik pihak ketiga	27
Bertindak untuk kepentingan terbaik BlueScope	29
Lindungi harta intelektual Blue Scope	31
Gunakan maklumat dalaman secara sah dan bertanggungjawab	33
Lindungi aset dan kekalkan rekod kita	34
Gunakan teknologi dengan bertanggungjawab	36
Lindungi maklumat peribadi	38
Wakili BlueScope dengan cara yang betul	40

## **Sokongan**

**42**



# Bagaimana Kita Bekerja

## Mesej daripada Pengarah Urusan (MD) dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)



**Di BlueScope, memilih untuk melakukan perkara yang betul adalah penting untuk kita semua.**

Ia penting kerana ia membantu kita kekal selamat, memperlakukan semua orang, komuniti dan persekitaran dengan penuh perhatian dan rasa hormat; dan ia membantu melindungi perniagaan kita.

Kita jelas tentang Tujuan Kita di BlueScope: kita mencipta dan mengilhamkan penyelesaian pintar dalam keluli, untuk mengukuhkan komuniti kita demi masa depan.

Cara Kita Bekerja menentukan apa yang diharapkan daripada setiap pekerja semasa kita melaksanakan Tujuan Kita dan Ikatan Kita. Kami juga mengharapkan sesiapa sahaja yang menjalankan perniagaan dengan kami akan mematuhi Tatakelakuan ini, bersama-sama dengan Tatakelakuan Pembekal yang berasingan.

Kami sangat bertuah kerana mempunyai orang-orang yang hebat bekerja di BlueScope; orang yang pandai memilih untuk melakukan perkara yang betul. Kadangkala, walaupun kita mahu melakukan perkara yang betul, tidak selalunya jelas tentang apa yang betul. Inilah tujuan Tatakelakuan ini. Ia memberi kuasa kepada setiap daripada kita untuk membuat keputusan yang baik dan mengetahui masa tertentu ketika kita perlukan bimbingan orang lain.

Sekiranya anda berhadapan dengan sesuatu keputusan, saya menggalakkan anda untuk menggunakan [Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas](#). Saya juga mengharapkan bahawa tiada antara kita yang akan melalui sesuatu yang kita tahu tidak betul. Ia bermaksud, kadangkala kita perlu membuat perbualan yang tidak menyelesaikan. Saya mengharapkan kita semua melakukan apa yang perlu, dengan penuh rasa hormat. Tambahan pula, menyuarakan sesuatu yang tidak betul adalah sebahagian daripada pilihan untuk melakukan dengan betul.

Saya meminta anda membiasakan diri dengan Tatakelakuan ini dan segala yang dinyatakan; kerana cara kita bekerja sama pentingnya dengan hasil yang diperolehi.

Sejajar dengan Ikatan Kita, apabila kita melakukan perkara yang betul, kita saling memperkuat dan melindungi antara satu sama lain, komuniti dan perniagaan kita.

Mari kita saling menghayati Cara Kita Bekerja; saling memilih untuk melakukan perkara yang betul.

**Mark Vassella**  
Pengarah Urusan dan CEO

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Tujuan Kita

## Kami mencipta dan mengilhamkan penyelesaian pintar dalam keluli, untuk mengukuhkan komuniti kami demi masa depan.

Tujuan Kita ialah mengetahui sebab kewujudan kita. Ini menetapkan tatabara BlueScope dan memberi kami keberanian serta keyakinan untuk membantu menyampaikan segala yang diperlukan oleh masyarakat di seluruh dunia.

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan



# Ikatan Kita

Ikatan Kita menggariskan prinsip panduan yang mengukuhkan perniagaan kami. Ia mengenal pasti pihak berkepentingan utama kami, membimbing cara kami bekerjasama dan mengendalikan diri kami dan terus menjadi penanda aras kejayaan kami dan memilih untuk melakukan yang betul.

## Pelanggan kami adalah rakan kongsi kami

Kejayaan kami bergantung kepada pelanggan dan pembekal yang memilih kami. Kekuatan kami terletak pada kerjasama secara rapat dengan mereka untuk mencipta nilai dan kepercayaan, di samping produk, perkhidmatan dan idea yang unggul.

## Kakitangan kami adalah kekuatan kami

Kejayaan kami datangnya daripada kakitangan kami. Kami bekerja dalam persekitaran yang selamat dan memuaskan Kami memilih untuk memperlakukan satu sama lain dengan penuh kepercayaan dan rasa hormat dan menjaga keseimbangan yang sihat antara kehidupan bekerja dan berkeluarga. Pengalaman kami, kerja berpasukan dan kemampuan untuk menghasilkan penyelesaian daripada inspirasi keluli adalah kekuatan kami yang paling bernilai dan dihargai.

## Pemegang saham adalah asas kami

Kejayaan kami dijayakan oleh pihak pemegang saham dan pemberi pinjaman yang memilih untuk melabur dalam perniagaan kami. Sebagai balasan, kami komited untuk meneruskan pertumbuhan keuntungan dalam nilai, yang menjadikan kami lebih kuat.

## Komuniti kami adalah tempat tinggal kami

Kejayaan kami bergantung pada komuniti yang menyokong perniagaan dan produk kami. Sebagai balasan, kami menjaga alam sekitar, mencipta kekayaan, menghormati nilai-nilai tempatan dan menggalakkan keterlibatan. Kekuatan kami ialah dengan memilih untuk melakukan yang betul.

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara


Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan



# Adakah ia dirasakan betul?

**Tatakelakuan ini menetapkan hasrat kita untuk cara kita bekerja apabila kita melaksanakan Tujuan Kita dan Ikatan Kita. Ia membantu kita membuat keputusan yang tepat. Ia membantu kita memilih untuk membuat perkara yang betul.**

## Memilih membuat perkara yang betul

Kita perlu mendengar luahan diri kita sendiri apabila ada sesuatu yang tidak betul, atau apabila kita merasa tidak yakin sama ada ya atau tidak.

Ujian Pantas kami akan membantu anda memilih untuk melakukan perkara yang betul. Sekiranya anda menjawab 'tidak' untuk satu atau lebih daripada soalan ini, mungkin ada sesuatu yang tidak betul; dan jika ada yang tidak betul, ada kemungkinan ia benar-benar tidak betul. Sekiranya anda masih tidak pasti, rujuk Tatakelakuan ini atau berbincang dengan pengurus anda.

### Sokongan tersedia

Perkhidmatan sokongan, termasuk Program Bantuan Pekerja (EAP) tersedia, secara percuma, kepada semua pekerja BlueScope dan ahli keluarga terdekat mereka. Melalui perkhidmatan ini, anda boleh mendapatkan nasihat profesional untuk mengatasi masalah yang sukar dalam hidup. Rujuk kepada pasukan Pekerja tempatan anda untuk maklumat lanjut.

# Ujian Pantas



Adakah ia menurut undang-undang?



Sekiranya keputusan saya muncul di akhbar atau dalam talian, adakah saya akan berasa selesa?



Adakah saya berasa selesa untuk mengatakan atau melakukan ini di hadapan keluarga atau rakan saya?



Adakah naluri saya memberitahu ia betul?



Adakah ia selaras dengan Ikatan Kita?



Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Bersuara ))

**Kadangkala memilih untuk melakukan perkara yang betul bermakna kita perlu berasa selesa untuk bercakap.**

**Itulah sebabnya kami komited untuk memupuk budaya bersuara jika ada yang tidak betul; dan bagi melindungi mereka yang menimbulkan kebimbangan dengan ikhlas.**

**Tanggungjawab untuk bersuara apabila berlaku sesuatu yang tidak betul adalah hak kita semua.**

Menyuarakan pandangan membolehkan kami memperbaiki cara kami bekerja, melindungi kakitangan dan perniagaan kami dan, pada masa tertentu, membantu kami menangani masalah untuk memperbetulkannya.

Mebiarkan sesuatu yang diketahui tidak betul bukanlah satu cara untuk memaafkannya. Dalam sesetengah kes, ia mungkin membabitkan kita, atau menjadikan kita bersubahat. Kami mengharapkan semua orang untuk bersuara apabila berlaku sesuatu yang tidak betul.

Kami memandang serius laporan yang tulen dan tidak akan bertolak ansur dengan tindak balas terhadap orang yang bersuara.

Anda boleh mengakses [Dasar Bersuara kami di sini](#).

## **Bilakah anda harus bersuara?**

Sekiranya anda yakin bahawa sesuatu tindakan atau keputusan itu tidak betul, atau tidak sesuai dengan Ikatan Kita, Tatakelakuan ini atau mana-mana dasar, standard, garis panduan, prosedur atau undang-undang, anda mesti bersuara.

Kami mengharapkan anda melaporkan perkara tersebut secepat mungkin. Sekiranya anda tidak, maka anda telah lalai dan membenarkan kelakuan tersebut.

## **Bagaimana anda harus bersuara?**

Kami menggalakkan anda untuk melaporkan semua perkara kepada pengurus anda atau pasukan Pekerja tempatan anda.

Mereka dapat membantu menyelesaikan masalah atau memutuskan ke mana ia perlu dirujuk. Bergantung pada masalah, boleh jadi ia tentang Kesihatan & Keselamatan, Alam Sekitar, Undang-undang atau wakil Etika & Pematuhan.

## **Sekiranya anda tidak selesa bercakap dengan pengurus anda, apa yang harus anda lakukan?**

Kami memahami bahawa dalam sesetengah keadaan anda mungkin berasa tidak selesa untuk bercakap dengan pengurus anda atau melaporkan masalah melalui saluran perniagaan kami yang biasa. Sekiranya ini berlaku, anda boleh membuat laporan secara sulit melalui mana-mana saluran di bawah.

- ) Wakil Etika & Pematuhan tempatan anda
- ) Hantarkan e-mel kepada [ethics@bluescope.com](mailto:ethics@bluescope.com)
- ) Hubungi Talian Bersuara BlueScope yang diuruskan secara luaran di [www.bluescopesteelconducthotline.com](http://www.bluescopesteelconducthotline.com)

Melalui telefon:

Australia - 1800 052 122  
 China - 400 963 6886  
 India - 000 8000 402 729  
 Indonesia - 001 803 61 001  
 Malaysia - 1 800 81 6577  
 Mexico - 01 800 123 9589  
 New Zealand - 0800 563 465  
 Singapura - 800 6167 065  
 Thailand - 0018 0061 12804  
 Amerika Syarikat - 1 855 212 2675  
 Vietnam - 613 9667 3613 (bebas tol)

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

## Topik

Mengekalkan tempat kerja yang selamat dan sihat

Bertindak terhadap insiden kesihatan dan keselamatan, risiko dan peluang



Mesej  
daripada  
MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia  
dirasakan betul?  
Ujian Pantas

Bersuara

**Kami  
komited  
terhadap  
kesihatan  
dan keselamatan**

Kami melayan  
semua orang  
dengan rasa  
hormat  
dan bermaruah

Kami  
menghormati  
komuniti dan  
alam sekitar kita

Kami melindungi  
perniagaan kami

Sokongan



# Mengekalkan tempat kerja yang selamat dan sihat

**Keprihatinan dan komitmen kami terhadap kesihatan dan keselamatan adalah sebahagian daripada cara kami berniaga dan ia bermula daripada diri kita sendiri. Kami komited menyediakan tempat kerja yang melindungi semua orang; kerana setiap orang berhak untuk berasa selamat dan dihargai.**

Sebahagian daripada cara memastikan tempat kerja yang selamat dan sihat ialah dengan memberi kuasa dan sokongan kepada pekerja untuk mengenal pasti potensi risiko dan membina kawalan yang cekap untuk memastikan mereka kekal selamat. Kami mengharapkan kakitangan kami bersikap proaktif terhadap kesihatan dan keselamatan diri mereka dan mengekalkan keupayaan mereka untuk bekerja secara selamat. Kami mengharapkan pengurus kami menjadi pemimpin yang kelihatan, menyokong secara aktif dan menarik penglibatan pasukan mereka.

## Memastikan semua orang kekal sihat dan selamat: kakitangan kami dan pihak ketiga

Sistem pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (HSE) bersepadu kami tersedia untuk memastikan setiap orang sihat dan selamat: kakitangan, kontraktor, pembekal, pelanggan dan komuniti. Semua pihak ketiga yang bekerja di, atau mengunjungi lokasi BlueScope diharapkan agar mengikuti prosedur HSE kami. Kami mengharapkan agar pekerja kami dapat memastikan bahawa pihak ketiga membiasakan diri dengan amalan Prosedur HSE.

## Berkeupayaan untuk bekerja

Keupayaan anda untuk bekerja secara sihat dan selamat adalah amat penting. Pekerja, dan sesiapa sahaja yang bekerja untuk BlueScope (di lokasi atau sebaliknya), tidak boleh diganggu-gugat oleh dadah sama ada secara haram atau dibenarkan, termasuk alkohol. Untuk memastikan keselamatan anda dan orang lain, penting bagi anda berasa sihat untuk bekerja daripada segi psikologi dan fizikal. Ini merangkumi masalah seperti keletihan, penyakit, keupayaan fizikal yang terhad atau gangguan emosi.

## Kuasai standard dan prosedur kesihatan dan keselamatan kami

Kami mengharapkan setiap orang yang bekerja dengan kami menyedari potensi risiko dan mematuhi sepenuhnya standard serta prosedur kesihatan dan keselamatan kami, sambil menyumbang kepada peningkatan yang berterusan.

### Pilih untuk melakukan perkara yang betul

#### Sentiasa

- ✔ Ambil bahagian dalam semua proses latihan dan perundingan di lokasi anda.
- ✔ Ikuti prosedur kerja dan hanya kendalikan peralatan setelah diiktiraf dan diberi kuasa untuk melakukannya.
- ✔ Pastikan anda mempunyai lesen yang diperlukan untuk mengendalikan mesin atau peralatan.
- ✔ Bercakap dengan pengurus anda sekiranya anda berasa tidak sihat daripada segi fizikal atau psikologi dan tidak dapat bekerja.
- ✔ Pastikan kawalan yang berkesan ada untuk mengelakkan keterdedahan orang ramai terhadap risiko.

#### Jangan sekali-kali

- ✘ Bertindak dengan cara yang membahayakan diri sendiri atau orang lain secara sedar.
- ✘ Mengancam sesiapa dengan kekerasan atau senjata api atau senjata lain yang tidak dibenarkan di tempat kerja.
- ✘ Gunakan telefon bimbit, atau peranti elektronik peribadi yang lain, dengan cara berbahaya di persekitaran operasi atau semasa memandu di lokasi BlueScope (termasuk telefon bebas tangan).
- ✘ Utamakan objektif perniagaan berbanding kesihatan dan keselamatan orang lain.



#### Bahan panduan

Dasar HSEC  
Standard HSE dan Prosedur berkaitan  
Dasar Alkohol dan Dadah Lain

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Mengekalkan tempat kerja yang selamat dan sihat

Apakah yang akan anda lakukan?  
Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.



## SENARIO 1

Terdapat sebuah trak yang sedang dimuatkan oleh kren. Anda perhatikan bahawa beban berayun secara berlebihan dan anda terdengar bunyi aneh yang datang daripada kren. Anda fikir mungkin ada masalah dan anda tahu pasukan sedang berusaha untuk mengejar tarikh akhir yang ketat. Apa yang anda lakukan?

Selalu berhenti dan bertanya. Percaya pada naluri anda. Adalah penting bahawa tugas dapat dilakukan dengan selamat sebelum proses memuatkan trak diteruskan. Kita semua bertanggungjawab secara peribadi untuk melindungi kesihatan dan keselamatan orang lain. Sentiasa bertindak sekiranya anda merasakan ada sesuatu yang tidak betul.



## SENARIO 2

Anda telah diberi ubat oleh doktor anda. Anda perlu meminum ubat itu, tetapi anda tidak pasti sama ada pengambilannya akan mempengaruhi kemampuan anda untuk bekerja dengan selamat dan anda tahu bahawa anda perlu berasa cergas untuk bekerja. Apa yang patut anda lakukan?

Anda harus memberitahu pengurus anda bahawa anda sedang mengambil ubat. Ini harus menjadi perbualan peribadi dan anda tidak perlu memberitahu mereka jenis ubat atau tujuannya. Mereka akan bekerjasama dengan anda untuk menentukan rancangan tindakan yang tepat.



### Bahan panduan

Dasar HSEC  
Standard HSE dan Prosedur berkaitan  
Dasar Alkohol dan Dadah Lain

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Bertindak terhadap insiden kesihatan dan keselamatan, risiko dan peluang

**Sentiasa bertindak demi kepentingan kesihatan dan keselamatan bermaksud mengambil berat terhadap kakitangan dan jangan biarkan berlakunya perkara yang tidak selaras dengan standard dan prosedur HSE; tidak kira sekecil mana pun. Kita semua mempunyai tanggungjawab peribadi untuk melindungi kesihatan dan keselamatan kita dan kesihatan dan keselamatan orang lain.**



## Bahan panduan

Dasar HSEC  
Standard HSE dan Prosedur berkaitan  
Dasar Alkohol dan Dadah Lain

Kami mengharapkan kakitangan kami bersikap proaktif terhadap kesihatan dan keselamatan. Ia bermaksud melihat situasi dan bertanya pada diri sendiri: "Adakah ini menimbulkan risiko kesihatan dan keselamatan?". Sekiranya jawapannya ya, atau mungkin, kita bertanggungjawab untuk bertindak.

## Bersedia untuk berbincang

Bersikap proaktif tentang kesihatan dan keselamatan bermaksud saling menyokong antara satu sama lain, bertanya apabila terdapat sesuatu yang tidak betul serta bersedia untuk memulakan perbualan yang mungkin tidak menyenangkan. Kami menggalakkan persekitaran maklum balas dan bersuara apabila ada sesuatu yang tidak betul. Kita perlu diberi peluang untuk bercakap antara satu sama lain tentang sesuatu yang disedari tidak selaras dengan standard dan prosedur HSE kita; dan kita semua perlu bersikap terbuka untuk menerima maklum balas.

## Melaporkan kejadian dan risiko keselamatan

Segala perkara yang menimbulkan risiko kesihatan dan keselamatan perlu dilaporkan. Ini termasuk insiden, kecederaan, kebimbangan kesejahteraan dan nyaris berlaku kemalangan. Anda digalakkan untuk melaporkan dan bertindak terhadap sebarang masalah kesihatan dan keselamatan.

## Kesihatan dan keselamatan adalah milik kita semua

Kami menggalakkan anda untuk bersikap proaktif dan memikirkan cara kita dapat meningkatkan pengurusan kesihatan dan keselamatan kita. Libatkan diri dan berkongsi idea untuk peluang peningkatan dan cara kita mengawal risiko dengan lebih baik. Berkongsi pengetahuan dan pengalaman untuk membangunkan penyelesaian yang berkesan demi menjaga kesihatan dan keselamatan antara satu sama lain, ia bergantung pada kita semua.

### Pilih untuk melakukan perkara yang betul

#### Sentiasa

- ✔ Menilai situasi risiko kesihatan dan keselamatan.
- ✔ Segera bercakap dengan seseorang yang anda dapati tidak mengikut prosedur kesihatan dan keselamatan.

#### Jangan sekali-kali

- ✘ Bersikap mempertahankan diri jika seseorang menyoal sama ada tindakan anda selamat.
- ✘ Andaikan ada orang lain yang melaporkan risiko kesihatan dan keselamatan.

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Bertindak terhadap insiden kesihatan dan keselamatan, risiko dan peluang

Apakah yang akan anda lakukan?  
Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.



## SENARIO 1

Salah seorang rakan anda berjalan dalam laluan forklift yang sedang bergerak dan hampir terkena. Dia baik-baik sahaja, tetapi apa yang anda lakukan?

Suarakan tentang amalan yang tidak selamat dengan membincangkannya segera. Juga, bincangkan dengan segera bersama pengurus anda. Kami mengharapkan anda menunjukkan keprihatinan dan kepimpinan perihal kesihatan dan keselamatan.



## SENARIO 2

Anda menjalankan tugas dengan rakan sekerja mengikut prosedur yang didokumentasikan. Anda perhatikan bahawa prosedur itu tidak selaras sepenuhnya dengan cara anda menjalankan tugas tersebut sebelum ini. Apa yang anda lakukan?

Bangkitkan hal ini kepada rakan dan pengurus anda. Tugas atau prosedur mungkin memerlukan semakan semula. Ini adalah peluang untuk anda bersikap proaktif dan membantu meningkatkan sistem HSE kami serta menguruskan risiko kami.



### Bahan panduan

Dasar HSEC  
Standard HSE dan Prosedur berkaitan  
Dasar Alkohol dan Dadah Lain

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Kami melayani semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

## Topik

Cipta tempat kerja yang pelbagai, inklusif dan penuh rasa hormat

Hormati hak asasi manusia



Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

**Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah**

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Cipta tempat kerja yang pelbagai, inklusif dan penuh rasa hormat

**Kakitangan kami adalah kekuatan kami. Kami menghormati dan menghargai kakitangan kami kerana diri mereka. Kami menjaga kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan antara satu sama lain. Kami selalu memilih untuk saling percaya-mempercayai dan hormat-menghormati.**

Kami komited menyediakan persekitaran kerja yang merangkumi semua orang untuk merasa diri mereka dipunyai, dihargai dan diterima dan dapat memberi sumbangan yang bermakna untuk memenuhi Tujuan Kita.

Kami memperlakukan semua orang dengan adil dan menawarkan pekerja kami peluang untuk meningkat, secara peribadi dan profesional, untuk mempelbagaikan dan memperkukuh pengalaman mereka.

## Tempat kerja kita adalah milik bersama

Setiap orang harus berasa selesa menyerahkan seluruh dirinya untuk bekerja tanpa rasa takut atau tidak selesa. Sebarang tingkah-laku yang membandingkan pekerja, atau sekumpulan pekerja, dengan cara yang kurang baik disebabkan jantina, etnik, latar belakang budaya, kecacatan, orientasi seksual, identiti jantina, kepercayaan agama, tanggungjawab penjaga, umur, status veteran, status perkahwinan, pendidikan, pekerjaan, susunan pekerjaan atau sebab lain yang dilindungi oleh undang-undang, tidak akan diterima.

## Kami mengambil berat antara satu sama lain

Kami mengharapkan kakitangan kami bersikap proaktif dan bertimbang rasa demi kepentingan orang lain.

## Kami meraikan kepelbagaian

Kami merangkumi kepelbagaian dalam segala bentuk. Kami menghormati pilihan orang, termasuk pilihan pekerja untuk menyertai kesatuan sekerja. Kami berkongsi pengetahuan dan bekerjasama. Kami berfikir secara berbeza, inovatif dan terbuka untuk menerima idea baharu.

## Kami jelas tentang tanggungjawab kami dan memberi maklum balas

Kami saling memberikan harapan yang jelas. Kami komited dan bertanggungjawab terhadap tindakan kami. Kami mendengar dan memerhatikan orang lain untuk memastikan mereka berasa selesa dengan beban kerja mereka. Kami memberi dan menerima maklum balas yang bermakna dan dihormati.

## Tiada toleransi untuk gangguan dan buli

Buli, diskriminasi, intimidasi, pencabulan (termasuk gangguan seksual), pemangsaaan, cercaan dan sebarang serangan tanpa mengira bentuk tidak dapat diterima di BlueScope.

## Kami mendukung integriti profesional dalam hubungan kami

Kami sentiasa bertindak secara profesional: antara satu sama lain dan dengan setiap orang yang berinteraksi dengan kami. Kami menyedari bahawa hubungan peribadi mungkin wujud atau terbina di tempat kerja. Jika anda mempunyai hubungan peribadi dengan pekerja atau kontraktor BlueScope lain yang melangkai hubungan profesional (sebagai contoh, mereka adalah saudara-mara, pasangan anda atau anda menjalin hubungan dengan mereka), kami mengharapkan anda memberitahu pengurus anda atau wakil Sumber Manusia anda. Ini adalah untuk mengelakkan anda terdedah kepada tuduhan konflik kepentingan, berat sebelah, penyalahgunaan kuasa atau perlakuan yang tidak wajar. Kami juga mengharapkan anda mengekalkan hubungan kerja profesional dan tidak sesekali berkongsi maklumat sulit BlueScope kecuali terdapat alasan perniagaan untuk melakukan sedemikian.

### Pilih untuk melakukan perkara yang betul

#### Sentiasa

- ✔ Bertindak dengan adil, konsisten dan hormat pada semua orang.
- ✔ Periksa sama ada seseorang itu berada dalam keadaan baik jika anda rasakan sebaliknya.

#### Jangan sekali-kali

- ✘ Terlibat dalam tingkah laku yang boleh membuat seseorang berasa tidak dihormati atau tersisih.
- ✘ Ketepikan idea atau pendapat hanya kerana anda mempunyai pandangan yang berbeza.



#### Bahan panduan

Dasar Kepelbagaian dan Penyertaan  
Pernyataan Hak Asasi Manusia  
Dasar Peluang Pekerjaan yang Sama

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Cipta tempat kerja yang pelbagai, inklusif dan penuh rasa hormat

Apakah yang akan anda lakukan?  
Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.



## SENARIO 1

**Anda memerhatikan seorang rakan sekerja menjerit perkataan tidak senonoh pada rakan sekerja yang lain. Situasinya tegang dan tidak selesa, tetapi ia bukan di jabatan anda dan individu itu kelihatan baik selepas itu. Perlukah anda lakukan sesuatu?**

Ya. Anda harus menghubungi rakan sekerja anda dan berikan sokongan dalam menangani perkara tersebut. Anda boleh mencadangkan agar mereka berbincang dengan pengurus mereka supaya langkah bersesuaian dapat diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut. Di BlueScope, kami tidak menerima penganiayaan atau pambulian dan selalu saling mempertahankan.



## SENARIO 2

**Salah seorang rakan anda tidak kelihatan seperti diri mereka hari ini. Mereka agak terganggu dan tidak dapat bekerja. Anda prihatin terhadap situasi mereka. Apa yang patut anda lakukan?**

Pilih masa yang sesuai untuk memulakan perbualan dengan mereka. Beritahu mereka bahawa anda menyedari yang mereka tidak kelihatan seperti selalu dan tanyakan sekiranya mereka baik-baik sahaja. Dengarkan luahan mereka dan galakkan mereka untuk bercakap dengan pengurus mereka, Program Bantuan Pekerja (EAP) atau wakil kumpulan Pekerja mereka. Segera hubungi mereka semula untuk melihat perkembangan mereka.



### Bahan panduan

Dasar Kepelbagaian dan Penyertaan  
Pernyataan Hak Asasi Manusia  
Dasar Peluang Pekerjaan yang Sama

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

**Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah**

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Hormati hak asasi manusia

**Kami melindungi dan menegakkan hak asasi manusia secara aktif, orang yang bekerjasama dengan kami dan mereka yang berada dalam komuniti kami: hak tentang maruah, keadilan, kesaksamaan, kehormatan dan kebebasan.**

Kami mengiktiraf nilai yang ada pada setiap orang. Kami menyokong Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia PBB dan pembekal kami mesti menyokong dan menghormati perlindungan hak asasi manusia yang diisytiharkan di peringkat antarabangsa serta memastikan bahawa mereka tidak terlibat dalam pencabulan hak asasi manusia. Tatakelakuan Pembekal kami menetapkan standard minimum BlueScope kepada para pembekal.

## Buruh paksa

Kami melindungi dan menegakkan kesejahteraan dan hak asasi manusia secara aktif dan mereka yang menjalankan perniagaan dengan kami. Kami menyokong penghapusan segala jenis buruh paksa atau buruh wajib. Kami komited untuk terus mengenal pasti dan menguruskan

sebarang risiko yang berkaitan dengan buruh paksa dan mengharapkan pembekal kami melakukan perkara yang sama. Kami berusaha dengan aktif untuk bekerjasama dengan pembekal yang berkongsi nilai-nilai teras yang dinyatakan dalam Ikatan Kita serta tingkah laku dan standard dalam Tatakelakuan Pembekal kami.

## Menghormati budaya dan tradisi

Kami sentiasa menunjukkan kepekaan terhadap budaya dan mengambil kira hal ini apabila menguruskan semua lokasi kami. Kami mengakui masyarakat Pribumi sebagai pemilik tradisional tanah, tempat kami beroperasi. Kami menyokong hak mereka untuk mempertahankan budaya dan adat istiadat mereka. Kami menghormati tradisi mereka.

**Apakah yang akan anda lakukan? Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.**



### SENARIO 1

Lokasi anda menggunakan kontrak pihak ketiga dan agensi pekerjaan untuk membekalkan tenaga kerja kepada kami. Pihak ketiga menggunakan pekerja asing dan salah seorang daripada pekerja memberitahu anda bahawa majikannya sedang memegang pasportnya. Apa yang anda lakukan?

Anda perlu melaporkannya kepada pengurus atau kumpulan Pekerja anda. Memegang dokumen pengenalan diri atau pasport mungkin merupakan tanda-tanda buruh paksa. Ia adalah satu bentuk pelanggaran hak asasi manusia. Setelah dilaporkan, kita boleh bekerjasama dengan pembekal untuk memahami dan menangani keadaan.

### Pilih untuk melakukan perkara yang betul

#### Sentiasa

- ✔ Laporkan sebarang masalah yang anda percayai telah melanggar hak asasi seseorang atau yang mungkin melibatkan buruh paksa.



### SENARIO 2

Anda melihat laporan media tentang salah satu pembekal yang sedang disiasat kerana menggunakan pekerja kanak-kanak di negara lain. Ini tiada kaitan langsung dengan BlueScope, tetapi anda tahu produk mereka digunakan di lokasi anda. Patutkah anda mengatakan sesuatu?

Ya. Anda harus memberitahu pengurus anda atau pasukan Undang-undang sekiranya mereka belum mengetahuinya. Mereka akan dapat bertindak balas dengan tepat terhadap situasi tersebut. Kami mengharapkan semua orang yang bekerjasama dengan kami dalam rantai bekalan untuk beroperasi secara beretika dan kami melindungi dan menegakkan hak asasi manusia secara aktif.

#### Jangan sekali-kali

- ✘ Libatkan kontraktor, pembekal atau pelanggan yang tidak sama-sama berkongsi komitmen tentang hak asasi manusia dan menangani buruh paksa.



#### Bahan panduan

Penyataan Hak Asasi Manusia  
Tatakelakuan Pembekal

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan



# Kami menghormati komuniti dan alam sekitar

## Topik

Perkukuhkan komuniti kita

Bersikap proaktif dalam melindungi alam sekitar



Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

**Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita**

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Perkukuhkan komuniti kita

**Komuniti adalah tempat tinggal kami; kami berusaha untuk mengukuhkan mereka, mewujudkan peluang untuk mereka berkembang maju. Kami melayan semua ahli komuniti dengan penuh rasa hormat.**

BlueScope ialah majikan dan rakan kongsi yang terkenal dalam pelbagai komuniti tempat kami beroperasi. Kami mengambil orang tempatan bekerja dan menyokong ekonomi tempatan. Kami mengharapkan anda menghormati nilai-nilai tempatan dan menggalakkan penglibatan dalam komuniti.

## Membina perkongsian lestari yang dibina atas dasar kepercayaan

Kerangka Komuniti Tempatan memperkukuhkan bimbingan tentang cara membina perkongsian lestari dan peluang yang dicipta untuk membantu meningkatkan dan memperkasakan kehidupan mereka yang bekerja dan tinggal dalam komuniti kami. Kami mengharapkan anda bersikap proaktif dalam menghormati dan menyertai anggota komuniti anda, dan dalam mempertimbangkan dan meminimumkan kesan negatif akibat operasi yang mungkin terjadi pada komuniti tempatan.

## Bertindak balas terhadap permintaan dan maklum balas daripada komuniti

Di BlueScope, orang-orang tertentu dalam jawatan telah dipertanggungjawabkan untuk membalas pertanyaan komuniti, permintaan tajaan dan memberi maklum balas mewakili perniagaan. Ini tidak bermakna anda tidak perlu berinteraksi dengan komuniti dan menerima pertanyaan atau mendengar maklumat mereka. Ia bergantung pada kita semua untuk mendengar permasalahan atau permintaan komuniti dan kemudian melaporkan kepada pengurus kami.

## Bersama-sama kita dapat membuat perubahan

Kami menggalakkan anda mengambil bahagian dalam aktiviti komuniti. Pertimbangkan untuk menyertai sebarang peluang sukarelawan yang ditawarkan. Cadangkan cara yang membolehkan kita memberi sumbangan yang lebih besar.

### Pilih untuk melakukan perkara yang betul

#### Sentiasa

- ✔ Pertimbangkan implikasi tindakan anda terhadap komuniti.
- ✔ Laporkan sebarang aduan, maklum balas atau permintaan komuniti kepada pengurus anda.

#### Jangan sekali-kali

- ✘ Abaikan aduan, maklum balas atau permintaan daripada anggota komuniti.



#### Bahan panduan

Memperkukuhkan Kerangka Komuniti Tempatan kami  
Dasar HSEC

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul?  
Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Perkukuhkan komuniti kita

**Apakah yang akan anda lakukan?  
Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.**



## SENARIO 1

**Senarai tugas anda tidak termasuk tanggungjawab kepada komuniti. Semasa anda berada di kedai kopi tempatan dengan berpakaian seragam, seseorang mula mengadu kepada anda tentang bunyi yang muncul daripada lokasi. Apa yang patut anda lakukan?**

Anda mesti mendengar, kemudian bertindak balas dengan sopan mengatakan bahawa anda sendiri akan melaporkan maklum balas mereka. Pastikan anda mendapatkan maklumat mereka untuk dihubungi. Segera rujuk maklumat tersebut kepada pengurus anda yang akan memastikan bahawa BlueScope bertindak balas melalui saluran yang betul dan melaporkan kembali kepada mereka.



## SENARIO 2

**Sekolah tempatan anda mengambil alih beberapa bangunan dan melakukan kerja-kerja pembinaan untuk memperluas kemudahan dalaman dan taman sukan mereka. Anda pernah mendengar bahawa mereka mencari maklumat tentang produk keluli. Kawasan itu bukan kawasan anda. Perlukah anda lakukan sesuatu?**

Ya, sertai dan sokong komuniti tempatan anda dengan memberitahu wakil BlueScope yang betul bahawa sekolah tersebut memerlukan bantuan. Sekiranya anda tidak tahu kakitangan yang harus dirujuk, sila berbincang dengan pengurus anda.



### Bahan panduan

Memperkukuhkan Kerangka Komuniti Tempatan kami  
Dasar HSEC

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

**Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita**

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Bersikap proaktif dalam melindungi alam sekitar

Di BlueScope, kami menghormati alam sekitar. Kami berharap anda memahami dan mempertimbangkan potensi kesan alam sekitar terhadap kerja anda dan mencari peluang untuk meningkatkan jejak syarikat dalam alam sekitar.

Berusaha meminimumkan kesan aktiviti syarikat terhadap alam sekitar bermaksud bertindak secara proaktif menggunakan kawalan yang berkesan untuk menghapuskan bahaya. Ia juga bermaksud menggunakan sumber dengan cekap, mencegah pencemaran dan mengurangkan kesan alam sekitar daripada operasi, produk dan perkhidmatan kita.

## Ikuti semua standard dan prosedur alam sekitar

Kami berharap semua pekerja, dan mana-mana pihak ketiga yang bekerjasama dengan kami, untuk mematuhi semua keperluan dan standard alam sekitar serta prosedur yang berkaitan. Melaporkan dengan segera sebarang kejadian atau potensi risiko alam sekitar juga penting.

## Melangkah ke hadapan dan seterusnya

Kami menggalakkan anda untuk bersikap proaktif: melangkah ke hadapan dan seterusnya. Fikirkan cara untuk meningkatkan pengurusan alam sekitar kita. Cadangkan dan mulakan perbincangan tentang pengurusan alam sekitar yang bertanggungjawab. Meninggalkan warisan alam sekitar yang positif bergantung kepada kita semua.

## Menangani perubahan iklim

Kami komited terhadap tindakan iklim dan menerapkan penyahkarbonan sebagai sebahagian daripada teras perniagaan kami untuk masa depan yang kukuh dan lestari. Kami berharap semua pekerja bekerjasama untuk membantu mengurangkan kesan operasi kami terhadap sumber yang dikongsi bersama. Kami juga mengharapkan anda untuk menyokong sebarang aktiviti untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan bersikap proaktif dalam menguruskan risiko serta iklim kita.

### Pilih untuk melakukan perkara yang betul

#### Sentiasa

- ✓ Kurangkan kesan persekitaran dengan penggunaan sumber yang berhemah dan cekap dalam semua operasi, produk dan perkhidmatan.
- ✓ Pertimbangkan keprihatinan para pihak berkepentingan, kongsi pelajaran yang didapati dan galakkan amalan yang mengoptimumkan hasil persekitaran.
- ✓ Taksirkan kesan, risiko, kawalan persekitaran dan prestasi kontraktor, pembekal atau pelanggan sebelum melibatkan mereka.

#### Jangan sekali-kali

- ✗ Bertindak dengan cara yang membahayakan alam sekitar atau komuniti tempat kita beroperasi.
- ✗ Terima keterdedahan orang ramai dan alam sekitar terhadap risiko yang tidak dikawal dengan berkesan.
- ✗ Andaikan bahawa orang lain akan melaporkan risiko alam sekitar.



#### Bahan panduan

Dasar HSEC

Standard HSE dan Prosedur berkaitan

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Bersikap proaktif dalam melindungi alam sekitar

Apakah yang akan anda lakukan?  
Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.



## SENARIO 1

**Anda pernah berfikir tentang cara kita dapat mengurangkan penggunaan elektrik tetapi idea tersebut agak bercita-cita tinggi dan mungkin menanggung kos yang tinggi. Adakah anda akan berkongsi tentangnya dengan pengurus anda?**

Sudah tentu. Setiap idea wajar dikongsi, terutama idea yang memberi kesan positif terhadap jejak persekitaran kita. Idea anda boleh mendorong kami melakukan peningkatan berterusan terhadap pelepasan gas rumah hijau dan menyokong matlamat kelestarian BlueScope.



## SENARIO 2

**Anda memerhatikan bahawa ia menjimatkan banyak masa sekiranya kita masukkan semua sampah ke dalam tong sampah umum yang sama yang menuju ke tapak pelupusan sampah. Adakah wajar untuk melakukannya?**

Selaras dengan proses keterdedahan pekerjaan dan pengurusan persekitaran, kita harus selalu mengendalikan, mengangkut dan mengatur pembuangan bahan mentah, produk dan sisa dengan bertanggungjawab dan selamat. Ia bermaksud mempertimbangkan sampah tersebut, dengan tujuan untuk meminimumkan kesan terhadap orang ramai dan persekitaran.



### Bahan panduan

Dasar HSEC

Standard HSE dan Prosedur berkaitan

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

**Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita**

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Kami melindungi perniagaan kami

## Topik

- Bersaing secara adil, beretika dan sah
- Katakan tidak pada sogokan dan rasuah
- Berhati-hati apabila melantik pihak ketiga
- Bertindak demi kepentingan BlueScope
- Melindungi harta intelektual BlueScope
- Gunakan maklumat dalaman secara sah dan bertanggungjawab
- Lindungi aset dan kekalkan rekod kita
- Gunakan teknologi dengan bertanggungjawab
- Lindungi maklumat peribadi
- Mewakili BlueScope dengan cara yang betul



Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

**Kami melindungi perniagaan kami**

Sokongan

# Bersaing secara adil, beretika dan sah

**Kami selalu beroperasi mengikut undang-undang. Kami bersaing secara adil dan mengekalkan amalan perniagaan yang adil dan munasabah. Mengapa? Kerana cara kita bersaing sama pentingnya dengan hasil yang kita capai. Kami berdiri di belakang integriti produk dan perkhidmatan kami.**

Pelanggaran undang-undang persaingan (juga dikenali sebagai undang-undang anti-trust) boleh mengakibatkan susulan yang signifikan terhadap kakitangan kami dan BlueScope, termasuk denda, kerosakan reputasi dan penjara.

## Bersaing secara adil dan hormati peraturan

Kami memastikan bahawa tingkah laku dan keputusan perniagaan kami sentiasa mematuhi undang-undang persaingan dan mengelakkan dari bibit-bibit pelanggaran undang-undang. Kami mengamalkan persaingan terbuka: kami bersaing dengan bersungguh-sungguh tetapi adil dan memenangi pelanggan dengan selayaknya.

Kami bertindak dengan penuh integriti dalam semua urusan dengan pelanggan, pembekal dan pesaing dan fokus pada tujuan komersial kami yang sah, bersaing dengan produk alternatif dan jualan yang semakin meningkat. Kami menjalani latihan yang diperlukan dan meminta bimbingan daripada bahagian Undang-undang atau Etika & Pematuhan sekiranya tidak pasti tentang sesuatu situasi dan mesti menghubungi bahagian Undang-undang atau Etika & Pematuhan:

- jika kita mengesyaki pesaing bertindak secara anti-persaingan dan berusaha untuk memulakan hubungan yang tidak sepatutnya;

- sebelum bertukar maklumat sensitif secara kompetitif, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan pesaing (di luar urusan pembekalan/perolehan biasa dengan pelanggan/pembekal);
- ketika mempertimbangkan urusan kerjasama baharu dengan pesaing, termasuk pengeluaran bersama, pemasaran perolehan bersama dan perkongsian logistik;
- sekiranya aduan dibuat tentang tingkah laku persaingan kami; atau
- sekiranya dihubungi oleh pengawal selia persaingan.

## Produk dan perkhidmatan kami

Kami berbangga berada di belakang produk dan perkhidmatan kami. Apabila kami berhubung dengan pihak lain, kami sering memenuhi standard keselamatan produk dan memberi jaminan pengguna apabila diperlukan. Kami hanya membuat tuntutan yang tepat dan boleh disokong berkaitan dengan produk kami dan tidak pernah bertindak secara palsu atau mengelirukan.

Kami sentiasa bekerja mengikut terma dan syarat perdagangan.

Kami mengelakkan bertindak secara kasar kerana ia bertentangan dengan budi yang baik (juga dikenali sebagai tingkah laku yang tidak wajar).

### Pilih untuk melakukan perkara yang betul

#### Sentiasa

- ✓ Pastikan semua maklumat yang anda berikan, atau persembahkan tentang produk dan perkhidmatan, adalah tepat dan terbukti.
- ✓ Bertindak dengan adil dan saksama dalam semua urusan perniagaan, termasuk dengan mereka yang kurang kuasa tawar-menawar.
- ✓ Pastikan bahawa nilai-nilai mana-mana persatuan industri keanggotaan kita, sejajar dengan Ikatan Kita dan kenyataan yang dimaklumkan secara terbuka.

#### Jangan sekali-kali

- ✗ Sampaikan maklumat palsu atau tidak tepat tentang BlueScope, produk atau pesaing.
- ✗ Membuat, atau cuba membuat, perjanjian atau berurusan dengan pesaing tentang cara kita, atau mereka, melibatkan pengguna, pembekal atau orang lain.
- ✗ Cuba mempengaruhi atau mengawal harga pelanggan.



#### Bahan panduan

Standard Undang-Undang Persaingan Unit Perniagaan dan Garis Panduan

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Bersaing secara adil, beretika dan sah

Apakah yang akan anda lakukan?  
Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.



## SENARIO 1

Rakan sekerja sebelum ini, yang kini bekerja dengan pesaing, menghampiri anda pada perjumpaan sosial bertanyakan tentang tender pelanggan yang disaingi anda berdua. Dia mahu tetapkan waktu berbual dengan anda untuk berkongsi maklumat tentang harga bagi memastikan tiada pihak yang menurunkan harga terlalu rendah. Apa yang patut anda lakukan?

Anda tidak boleh terlibat dalam perbincangan seperti ini kerana ini boleh menyebabkan urusan atau pemahaman tentang penetapan harga. Ia menyalahi undang-undang dan boleh mendatangkan akibat yang besar kepada anda secara peribadi dan juga BlueScope. Anda harus segera melaporkan pendekatan tersebut kepada pengurus dan/atau pasukan Undang-undang anda.



## SENARIO 2

Anda benar-benar berminat untuk memenangi pelanggan baharu. Anda teringin mengatakan kepada rakan sekerja bahawa anda boleh memperbesar-besarkan beberapa ciri negatif produk pesaing untuk menjadikan produk kita kelihatan lebih baik. Adakah ini perkara yang betul untuk dilakukan?

Anda tidak boleh memberi gambaran yang salah atau tuntutan yang mengelirukan tentang produk pesaing. Berbanggallah berada di sebalik ciri dan kelebihan produk kita dan pastikan kenyataan yang anda nyatakan adalah tepat dan boleh dibuktikan. Segala pernyataan yang dibuat tentang produk pesaing harus bersifat fakta, tidak berlebihan, dan disokong sepenuhnya oleh bukti. Sekiranya anda tidak pasti, anda harus bercakap dengan ahli pasukan Undang-undang.



### Bahan panduan

Standard Undang-Undang Persaingan Unit Perniagaan dan Garis Panduan

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan



# Katakan tidak pada sogokan dan rasuah

**Kami beroperasi dengan penuh integriti dalam semua yang kami lakukan. Kami mengatakan tidak pada sogokan dan rasuah dalam semua bentuk di BlueScope. Kami tidak pernah memberi atau menerima pembayaran yang tidak perlu.**

Kami tidak pernah menerima atau menawarkan rasuah di BlueScope. Sogokan ialah apabila seseorang ditawarkan hadiah, bayaran, ganjaran, imbuhan, komisen rahsia atau permintaan peribadi sebagai balasan melakukan sesuatu yang tidak wajar, atau untuk mempengaruhi hasilnya. Kami tidak pernah membuat bayaran, atau ganti bayaran, untuk menjamin atau mempengaruhi hasil perniagaan atau keputusan kerajaan.

## Hadiah dan hiburan

Hadiah merangkumi barangan dan perkhidmatan, kegemaran peribadi, atau tawaran layanan baik dan hiburan. Kita mesti berhati-hati ketika menerima atau memberi hadiah dan hiburan. Ini tidak bermaksud bahawa kita tidak boleh menerima atau memberi hadiah, tetapi kita harus berhati-hati dengan niat yang terdapat di sebaliknya dan sama ada ia wajar, sesuai atau berlebihan. Kita tidak boleh menerima atau memberi wang tunai, atau yang seangkatan dengannya seperti kad hadiah atau baucar.

Hiburan dan layanan baik mestilah bernilai wajar, sesuai dengan hubungan dan acara, sah dari segi undang-undang tempatan dan mematuhi dasar kami dalam Standard Hiburan dan Hadiah Unit Perniagaan. Ia tidak boleh mempengaruhi hubungan perniagaan dengan apa jua cara sekalipun.

## Sumbangan politik

Kami tidak pernah bersetuju dengan mana-mana parti politik, ahli politik atau calon jawatan awam. Kita boleh menghadiri acara yang diadakan oleh parti politik untuk tujuan taklimat ekonomi, atau untuk membincangkan perkara yang memberi kesan pada BlueScope. Kita boleh menanggung kos yang berpatutan semasa menghadiri acara tersebut, mengikut Standard Sumbangan Politik.

### Pilih untuk melakukan perkara yang betul

#### Sentiasa

- ✓ Segera laporkan kepada pengurus anda jika anda (atau salah seorang rakan niaga kita) diminta, atau berasa tertekan, untuk membuat pembayaran atau memberi faedah yang, atau mungkin, tidak wajar atau tidak sepatutnya.
- ✓ Simpan rekod hadiah, layanan baik atau hiburan yang diberi, diterima, ditolak atau dikembalikan selaras dengan Standard Unit Perniagaan anda atau garis panduan lain.
- ✓ Pastikan rakan niaga memahami dan mematuhi hasrat kita.

#### Jangan sekali-kali

- ✗ Gunakan dana peribadi anda untuk memudahkan perniagaan BlueScope.
- ✗ Terima hadiah atau layanan baik sebagai balasan untuk mendapat keuntungan, faedah, perkhidmatan atau maklumat sebenar atau yang diharapkan.
- ✗ Beri atau terima apa-apa yang bernilai semasa sesi rundingan atau tender.
- ✗ Terima diskaun atau tawaran yang tidak disediakan pada semua pekerja BlueScope.
- ✗ Terima pelancongan atau penginapan secara percuma atau dengan tajaan daripada pihak ketiga.



#### Bahan panduan

Standard Sumbangan Politik  
Standard Hiburan dan Hadiah Unit Perniagaan  
atau garis panduan perniagaan tempatan yang lain

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

**Kami melindungi perniagaan kami**

Sokongan

# Katakan tidak pada sogokan dan rasuah

Apakah yang akan anda lakukan?  
Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.



## SENARIO 1

**Pembekal telah menawarkan tiket untuk acara sukan kepada anda. Kita tiada membuat rundingan tender atau kontrak dengan pembekal ini. Apa yang patut anda lakukan?**

Bergantung pada nilai tiket, anda mungkin diminta untuk memberitahu pengurus anda dan/atau mendapatkan persetujuan mereka sebelum menerimanya. Anda sepatutnya menyemak syarat khusus dalam Unit Perniagaan anda untuk menerima jemputan tersebut.



## SENARIO 2

**Seorang pegawai kerajaan telah meminta bayaran tambahan untuk menyemak semula penyerahan tender kita. Dia mengatakan ini adalah keadaan biasa dalam menjalankan perniagaan dan walaupun ia tidak menjamin kita berjaya, ia mungkin membuahkan hasil yang lebih baik kerana dia mempunyai lebih banyak masa untuk menyemak secara terperinci. Adakah anda mengaturkan pembayaran?**

Tidak. Pembayaran ini akan dianggap sebagai sogokan atau bayaran kelancaran dan dilarang. Permintaan harus ditolak dan perkara itu perlu segera dilaporkan kepada pengurus anda.



### Bahan panduan

Standard Sumbangan Politik  
Standard Hiburan dan Hadiah Unit Perniagaan  
atau garis panduan perniagaan tempatan yang lain

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

**Kami melindungi perniagaan kami**

Sokongan

# Berhati-hati apabila melantik pihak ketiga

**Kadang kala, kita bekerjasama dengan pihak ketiga untuk merundingkan perkhidmatan, kontrak atau mengembangkan peluang perniagaan BlueScope. Kita perlu berhati-hati ketika melantik pihak ketiga. Ini bermaksud lakukan penyelidikan untuk memastikan mereka bertindak secara beretika, jujur dan menjunjung tinggi nilai dan prinsip kita.**



## Bahan panduan

- Tatakelakuan Pembekal
- Dasar Usaha Wajar Pihak Luar
- Penggunaan Standard RDC
- Dasar Unit Perniagaan tentang penggunaan ejen pihak ketiga
- Alat Saringan Wakil Unit Perniagaan

Mana-mana pihak ketiga yang dilibatkan perlu mengetahui cara kita bekerja dan mematuhi Tatakelakuan ini. Kami juga mempunyai Tatakelakuan Pembekal yang berasingan yang perlu mereka patuhi.

Melantik pihak ketiga yang salah boleh mendatangkan bahaya pada reputasi BlueScope atau mendedahkan kita dan kakitangan kita kepada tindakan undang-undang atau sekatan kerajaan. Itulah sebabnya kita perlu menilai dengan teliti mana-mana pihak ketiga yang bekerjasama dengan kita.

## Bagaimana kita menilai pihak ketiga dengan teliti?

Kami menilai keupayaan, reputasi dan memastikan mereka mematuhi Ikatan Kita, Tatakelakuan ini dan Tatakelakuan Pembekal. Kami juga menjalankan usaha sewajarnya dan menggariskan harapan kami dengan jelas sebelum kami melantik mereka. Kami hanya melantik pihak ketiga apabila BlueScope tidak dapat menjalankan kerja secara langsung dengan keperluan perniagaan yang sah telah dikenal pasti.

### Pilih untuk melakukan perkara yang betul

#### Sentiasa

- ✔ Pantau prestasi dan persepsi orang ramai terhadap mana-mana pihak ketiga yang bekerjasama dengan kita secara berkala.
- ✔ Pastikan pihak ketiga bersetuju untuk bekerja mengikut Ikatan Kita, Tatakelakuan ini dan Tatakelakuan Pembekal.

#### Jangan sekali-kali

- ✘ Libatkan pihak ketiga tanpa membuat penilaian yang teliti pada mereka dan menerima kelulusan yang diperlukan.
- ✘ Benarkan pihak ketiga berkelakuan tidak sah, tidak beretika atau tidak wajar bagi pihak kita.

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Berhati-hati apabila melantik pihak ketiga


Apakah yang akan anda lakukan?  
Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.



## SENARIO 1

**Anda mengusahakan pasukan yang cuba mendapatkan kelulusan kerajaan untuk BlueScope. Pegawai kerajaan tempatan telah mengesyorkan pelantikan wakil untuk bekerjasama dengan mereka. Wakil tersebut telah meminta bayaran yang melebihi standard komersial tempatan. Perlukah anda melibatkan wakil tersebut?**

Ketekunan wajar tambahan harus dilakukan untuk memastikan bahawa bayaran perwakilan tidak termasuk pembayaran rasuah atau kelancaran yang akan dibayar kepada kerajaan tempatan. Anda harus membincangkan perkara tersebut dengan pasukan Etika & Pematuhan dan pasukan Undang-undang dan memastikan semua kelulusan yang diperlukan diperoleh sebelum meneruskan.



## SENARIO 2

**Anda mempertimbangkan untuk mengaturkan dengan ejen tempatan supaya mereka mempromosi dan mengesyorkan produk BlueScope kepada pembangun. Sebagai balasan, ejen akan menerima komisen ke atas semua produk BlueScope yang dijual. Perlukah anda terlibat dengan rancangan ini?**

Rancangan pihak ketiga yang melibatkan pembayaran komisen mesti dipersetujui oleh Presiden Negara anda dan/atau Ketua Eksekutif. Anda harus melakukan usaha ketekunan wajar yang komprehensif terhadap ejen yang dicadangkan dan meminta bimbingan daripada pasukan Etika & Pematuhan dan pasukan Undang-undang anda sebelum meneruskan. Sekiranya rancangan ini diluluskan, anda mesti melakukan usaha ketekunan wajar (sekurang-kurangnya setiap 12 bulan) untuk memastikan kesesuaian kita untuk terus bekerjasama dengan ejen.



### Bahan panduan

Tatakelakuan Pembekal

Dasar Usaha Wajar Pihak Luar

Penggunaan Standard RDC

Dasar Unit Perniagaan tentang penggunaan ejen pihak ketiga

Alat Saringan Wakil Unit Perniagaan

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

**Kami melindungi perniagaan kami**

Sokongan

# Bertindak demi kepentingan BlueScope

**Kami tidak pernah membiarkan kepentingan peribadi, atau hubungan, mengganggu kemampuan kami membuat keputusan perniagaan demi kepentingan BlueScope. Konflik kepentingan mungkin timbul apabila kepentingan peribadi anda, atau kepentingan ahli keluarga, rakan atau rakan terdekat, berpotensi mempengaruhi pertimbangan, objektif dan kebebasan anda di tempat kerja.**

Anda harus mengelakkan situasi yang menimbulkan konflik kepentingan sebaik mungkin.

Kadang-kadang, anda mungkin tidak dapat mengelakkan konflik kepentingan, atau anda mungkin tidak pasti jika adanya konflik. Kadangkala konflik kepentingan dapat dirasakan lebih daripada konflik sebenar. Berita baiknya, dalam kebanyakan kes, semua bentuk konflik kepentingan dapat diselesaikan dengan ketelusan yang segera dan lengkap bersama pengurus anda.

## Jadi, bagaimana rupa konflik kepentingan?

Beberapa contoh potensi konflik kepentingan termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- berada dalam kedudukan yang membolehkan anda mempengaruhi keadaan pekerjaan pekerja BlueScope yang merupakan saudara atau rakan rapat;
- mempunyai hubungan dengan pekerja BlueScope yang lain (termasuk saudara, pasangan atau seseorang yang anda mempunyai hubungan peribadi) tanpa mendedahkan hubungan tersebut kepada pengurus anda atau wakil Sumber Manusia anda;
- mempunyai kepentingan peribadi dalam syarikat (sama ada secara langsung atau melalui saudara atau rakan rapat) yang menjalankan perniagaan dengan, atau bersaing dengan, BlueScope;

- melakukan kerja di luar BlueScope yang boleh mempengaruhi kemampuan anda untuk bekerja dengan cekap dalam jawatan BlueScope anda;
- menggunakan kedudukan anda di BlueScope, atau mana-mana peluang, harta benda atau maklumat BlueScope, untuk keuntungan peribadi atau untuk memberi manfaat kepada ahli keluarga, rakan atau kenalan rapat.

### Pilih untuk melakukan perkara yang betul

#### Sentiasa

- ✓ Ambil semua langkah yang munasabah untuk mengelakkan situasi yang menimbulkan konflik kepentingan yang dirasakan atau benar-benar berlaku.
- ✓ Sebagai pengurus, segera dokumentasikan sebarang konflik kepentingan yang timbul dalam pasukan anda dan tentukan tindakan yang paling tepat.

#### Jangan sekali-kali

- ✗ Terima peranan di luar BlueScope yang bertentangan dengan tugas anda untuk bertindak mengikut kepentingan BlueScope tanpa persetujuan pengurus anda terlebih dahulu.
- ✗ Terima atau sediakan hadiah atau hiburan yang dapat mempengaruhi, atau mungkin dirasakan oleh orang lain untuk mempengaruhi, kemampuan anda untuk membuat keputusan objektif.



#### Bahan panduan

Standard Konflik Kepentingan Unit Perniagaan  
atau garis panduan perniagaan tempatan yang lain

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Bertindak demi kepentingan BlueScope

Apakah yang akan anda lakukan?  
Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.



## SENARIO 1

**Perniagaan rakan anda akan memberi respon kepada tender kontrak penyelenggaraan BlueScope. Anda tidak terlibat dengan tender tersebut sama sekali, atau dengan perniagaan pasangan anda. Perlukah anda mendedahkannya?**

Ya, kerana ini menimbulkan konflik kepentingan yang dirasakan ada pada anda. Kami mengharapkan anda bersikap telus dengan memberitahu pengurus anda sebaik sahaja anda mengetahui niat rakan anda untuk mengambil bahagian dalam tender. Perniagaan rakan anda akan tetap dipertimbangkan secara adil. Sekiranya mereka berjaya, BlueScope akan mengambil maklum hubungan anda dengan mereka dan dapat menguruskan hubungan tersebut sewajarnya.



## SENARIO 2

**Anda bekerja di bahagian jualan. Seorang bekas rakan sekerja meminta anda melabur dalam perniagaan bangunan domestiknya yang kecil. Perlukah anda meminta persetujuan daripada pengurus anda sebelum membuat pelaburan ini?**

Ya. Terdapat risiko bahawa pelaburan ini bertentangan dengan kewajipan anda untuk bertindak mengikut kepentingan terbaik BlueScope, kerana anda mungkin dapat mempengaruhi jumlah bayaran syarikat bangunan (atau orang lain yang bersaing dengan mereka) untuk produk BlueScope. Walaupun ini tidak berlaku, yang lain mungkin sewajarnya beranggapan bahawa anda dapat memberi kelebihan kepada syarikat bekas rakan sekerja anda. Pengurus anda akan memutuskan sekiranya ada cara untuk menguruskan konflik tersebut. Sekiranya ia tidak dapat diuruskan dengan berkesan, anda tidak boleh melabur dalam perniagaan tersebut selama anda bekerja di BlueScope.



### Bahan panduan

Standard Konflik Kepentingan Unit Perniagaan  
atau garis panduan perniagaan tempatan yang lain

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

**Kami melindungi perniagaan kami**

Sokongan

# Melindungi harta intelektual BlueScope

**Harta intelektual BlueScope merangkumi banyak perkara: daripada idea, penemuan, inovasi, rahsia perdagangan, maklumat sulit dan data lain, hingga paten, reka bentuk, dan tanda dagangan kami. Kita mesti sentiasa melindungi harta intelektual BlueScope, menjaganya agar ia selamat daripada penggunaan yang tidak dibenarkan.**

Semasa bekerja dengan BlueScope, anda akan mendapat akses kepada harta intelektual BlueScope. Kami mengharapkan anda akan melindunginya semasa dan selepas bekerja dengan kami. Tidak selalunya jelas sama ada ia harta intelektual atau tidak. Anda boleh menyemaknya dengan merujuk kepada Dasar Harta Intelektual kami dan membincangkannya dengan pengurus anda.

## Beberapa perkara penting yang perlu diketahui mengenai harta intelektual

Harta intelektual yang telah anda bina, atau bantu dibina, semasa bekerja dengan BlueScope dimiliki oleh BlueScope. Setelah anda tidak lagi bekerja dengan BlueScope, anda tidak boleh menggunakan harta intelektual ini. Anda tidak boleh memindah, menghapus, membuang atau berkongsi mana-mana harta intelektual BlueScope tanpa kelulusan.

Kadangkala kita perlu memberi harta intelektual kepada pihak ketiga yang bekerjasama dengan kita. Kelulusan sewajarnya mesti diperoleh sebelum anda dapat berkongsi harta intelektual dengan pihak ketiga.

Kita juga mesti menunjukkan rasa hormat yang sama terhadap harta intelektual pihak lain termasuk pembekal, kontraktor, pelanggan dan pesaing.

### Pilih untuk melakukan perkara yang betul

#### Sentiasa

- ✓ Bercakap dengan ahli pasukan Undang-undang sebelum berkongsi atau mendedahkan mana-mana harta intelektual BlueScope atau maklumat sulit lain dengan seseorang di luar BlueScope.
- ✓ Gunakan kontrak standard BlueScope atau dapatkan bantuan pasukan Undang-undang jika ada keperluan untuk tidak menggunakan kontrak standard BlueScope.

#### Jangan sekali-kali

- ✗ Menyimpan salinan dokumen BlueScope setelah perkhidmatan anda dengan BlueScope berakhir.



#### Bahan panduan

Dasar Harta Intelektual  
Dasar Pengurusan Rekod

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Melindungi harta intelektual BlueScope

Apakah yang akan anda lakukan?  
Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.



## SENARIO 1

**Anda mempunyai ahli pasukan baharu yang mempunyai pengalaman dalam industri kita. Anda ingin memintanya berkongsi maklumat tentang pengalamannya bekerja dengan syarikat yang serupa. Bolehkah anda lakukan sedemikian?**

Anda hanya boleh memintanya berkongsi maklumat majikan sebelumnya untuk perkara yang dianggap sebagai pengetahuan umum atau tersedia secara terbuka. Dia tidak dibenarkan untuk berkongsi maklumat sulit majikannya yang terdahulu seperti rahsia perdagangan atau harta intelek yang lain.



## SENARIO 2

**Anda telah mengambil kontraktor penyelenggaraan baharu dan mereka meminta akses kepada manual operasi kita. Maklumat ini secara umumnya tidak tersedia untuk orang ramai. Bolehkah anda memberikan manual tersebut kepada mereka?**

Sekiranya mereka tidak memerlukan akses kepada manual latihan untuk menjalankan tugas mereka, maka jangan berikan manual tersebut kepada mereka. Sekiranya diperlukan, semak syarat kontrak mereka termasuk kewajipan mereka untuk merahsiakan maklumat. Anda perlu pastikan juga bahawa manual ditandakan 'sulit' dan mengingatkan kontraktor tentang kewajipan mereka untuk menjaga kerahsiaan. Dalam sesetengah kes, mungkin perlu untuk mendapatkan perjanjian kerahsiaan secara berasingan untuk kontraktor. Bercakap dengan pasukan Perolehan dan Undang-undang tempatan anda jika anda tidak pasti sama sekali.



## Bahan panduan

Dasar Harta Intelektual  
Dasar Pengurusan Rekod

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul?  
Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

**Kami melindungi perniagaan kami**

Sokongan



# Gunakan maklumat dalaman secara sah dan bertanggungjawab

Kadangkala kita mempunyai akses kepada maklumat tentang BlueScope, atau pihak ketiga yang kita kendalikan, ini dianggap sebagai maklumat dalaman. Kita berkewajipan untuk menggunakan maklumat ini secara sah dan bertanggungjawab. Mengapa? Kerana jika maklumat ini dipaparkan kepada orang ramai, ia boleh memberi kesan yang ketara pada harga saham kita atau harga saham syarikat lain.



Kami menggalakkan pekerja kami untuk memegang saham BlueScope dan kami berharap mereka menggunakan maklumat dalaman ini secara sah dan bertanggungjawab.

Dasar Perdagangan Sekuriti kami menentukan cara anda membeli atau menjual saham BlueScope, termasuk apabila anda perlu mendapatkan persetujuan terlebih dahulu sebelum melakukannya.

## Apakah perdagangan orang dalam?

Perdagangan orang dalam ialah pembelian atau penjualan saham syarikat yang diperdagangkan oleh seseorang yang mempunyai maklumat terhad, maklumat dalaman syarikat yang boleh mempengaruhi harga saham. Ini bertentangan dengan undang-undang. Kami mengharapkan anda hanya menggunakan maklumat BlueScope selama ia diperlukan untuk melaksanakan tugas anda.

## Apakah yang akan anda lakukan? Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.



### SENARIO 1

Anda mendengar bahawa tidak lama lagi BlueScope akan mengambil alih perniagaan baharu. Anda tidak tahu perniagaan mana atau berapa harganya; ia belum diumumkan. Anda ingin meminta rakan anda membeli saham BlueScope berdasarkan maklumat ini. Sekiranya anda tidak memberikan sebab bolehkah anda melakukannya?

Tidak, kerana ini mungkin merupakan maklumat dalaman. Sekiranya anda atau rakan anda menggunakan maklumat ini untuk berurusan dengan saham BlueScope, ia akan bertentangan dengan Dasar Perdagangan Sekuriti kami dan mungkin melanggar undang-undang perdagangan dalaman.



### SENARIO 2

Anda membaca dalam talian bahawa saham BlueScope adalah pelaburan jangka panjang yang hebat, jadi anda ingin membeli saham BlueScope. Bolehkah anda melakukannya berdasarkan maklumat tersebut?

Berdagang berdasarkan maklumat yang tersedia untuk tatapan umum dibenarkan, tetapi anda mesti mematuhi Dasar Perdagangan Sekuriti BlueScope. Sekiranya anda seorang yang Dihadkan, anda hanya boleh membeli saham BlueScope semasa 'window trading' dan setelah anda mendapat persetujuan daripada Setiausaha Syarikat.

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Bincangkan dengan pengurus anda jika anda menyedari tentang maklumat dalaman yang tidak diperlukan untuk peranan anda.
- ✓ Pastikan anda telah membaca dan memahami Dasar Perdagangan Sekuriti BlueScope sebelum membeli atau menjual saham BlueScope.

### Jangan sekali-kali

- ✗ Berkongsi maklumat tentang BlueScope, rakan kongsi, pembekal, pelanggan dan pesaingnya yang tidak tersedia untuk tatapan umum.
- ✗ Membeli, menjual atau mengurus niaga dengan saham BlueScope atau saham syarikat lain jika anda mempunyai maklumat dalaman.
- ✗ Galakkan orang lain untuk membeli, menjual atau berurusan dengan saham syarikat berdasarkan maklumat dalaman yang anda ada.

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Lindungi aset dan kekalkan rekod kita

**Kami melindungi aset, sumber dan kemudahan BlueScope, dan memperlakukan ia dengan berhati-hati.**

Kami hanya menggunakan aset dan sumber untuk tujuan yang dimaksudkan, dan apabila diperlukan untuk menjalankan tugas. Kami menyimpan rekod perniagaan yang lengkap, teliti dan tepat pada masanya. Kami bertindak dalam lingkungan kuasa yang diberi dan meminta persetujuan untuk pembayaran dan transaksi.

## Aset dan sumber

Kami mengambil langkah berjaga-jaga yang diperlukan untuk melindungi aset dan sumber kami termasuk harta benda fizikal dan bukan fizikal seperti peralatan, inventori, teknologi, wang, data dan maklumat sulit.

## Maklumat sulit

Maklumat sulit merupakan aset kepada BlueScope. Maklumat sulit ialah segala maklumat yang secara umumnya tidak tersedia untuk orang ramai. Ini membawa maksud seperti berikut:

- kami hanya menggunakan maklumat sulit setakat yang diperlukan untuk menjalankan tugas kami dan hanya memberikan kepada pekerja yang perlu mengetahuinya;
- kami tidak mendedahkan maklumat sulit kepada pihak luar tanpa mendapat kelulusan untuk berbuat demikian terlebih dahulu;

- apabila berkongsi maklumat sulit dengan pihak ketiga, kami memastikan kewajipan untuk merahsiakan difahami sewajarnya.

## Mengekalkan rekod perniagaan yang teliti

Kami menyimpan rekod yang lengkap, teliti, tepat pada masanya dan dapat diaudit daripada semua sudut urusan niaga kewangan mengikut keperluan peraturan khusus negara dan prinsip perakaunan yang diterima umum. Ini membawa maksud seperti berikut:

- kami mengikuti semua kawalan dan proses kewangan yang diwujudkan untuk mengurangkan risiko dan melindungi BlueScope daripada penipuan dan kerugian;
- kami memastikan semua rekod BlueScope, termasuk rekod kewangan, sumber manusia, gaji dan persekitaran adalah teliti dan diuruskan mengikut Dasar Pengurusan Rekod kami;
- kami mematuhi semua kawalan dalaman dan standard perakaunan;
- kami memastikan perbelanjaan yang dikeluarkan, atau dipersetujui, mempunyai tujuan perniagaan yang sah.

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Lindungi aset BlueScope daripada pembaziran dan kerosakan.
- ✓ Cegah kakitangan yang tidak dibenarkan daripada mengakses kemudahan atau aset kita.
- ✓ Simpan maklumat sulit dengan selamat semasa berada jauh dari stesen kerja anda.

### Jangan sekali-kali

- ✗ Terlibat dalam penipuan, penyelewengan atau penyalahgunaan aset dan sumber BlueScope.
- ✗ Keluarkan sebarang aset syarikat dari tempat kerja anda tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu.
- ✗ Menjual, meminjam, menyumbang atau menggunakan harta BlueScope tanpa kelulusan daripada pengurus anda.
- ✗ Biarkan komputer anda tidak berkunci semasa berada di luar stesen kerja anda.
- ✗ Mengakses maklumat sulit BlueScope di khalayak ramai yang dapat dilihat oleh orang lain.



### Bahan panduan

Kerangka Tadbir Urus Kewangan  
Agihan Kuasa Korporat  
Agihan Kuasa Unit Perniagaan  
Dasar Kad Kredit Syarikat  
Dasar Pengurusan Rekod

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Lindungi aset dan kekalkan rekod kita

Apakah yang akan anda lakukan?  
Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.



## SENARIO 1

**Anda melihat beberapa potongan keluli di lokasi anda yang tidak dapat dijual kepada mana-mana pelanggan. Adakah anda membawanya pulang dan menggunakannya untuk tujuan sendiri?**

Tidak. Anda perlu bercakap dengan pengurus anda dan mendapatkan persetujuan mereka sebelum mengeluarkan aset BlueScope ke luar lokasi untuk kegunaan peribadi. Walaupun ianya memang untuk dibuang, mengeluarkan aset BlueScope boleh menjadi satu kes kecurian.



## SENARIO 2

**Anda menggunakan kad kredit korporat anda untuk membayar penginapan semasa dalam perjalanan untuk bekerja. Anda memutuskan untuk melanjutkan perjalanan kepada satu hari lagi; ia adalah hari cuti peribadi. Adakah anda mengemukakan tuntutan penginapan sepanjang masa tersebut sebagai perbelanjaan perniagaan?**

Tidak. Kad kredit korporat tidak boleh digunakan untuk tujuan peribadi. Anda hanya perlu mengemukakan tuntutan perbelanjaan yang mempunyai tujuan perniagaan yang sah.



### Bahan panduan

Kerangka Tadbir Urus Kewangan  
Agihan Kuasa Korporat  
Agihan Kuasa Unit Perniagaan  
Dasar Kad Kredit Syarikat  
Dasar Pengurusan Rekod

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

**Kami melindungi perniagaan kami**

Sokongan

# Gunakan teknologi dengan bertanggungjawab

**Kami mengharapkan pekerja, kontraktor dan pihak lain yang bekerjasama dengan kami untuk melindungi teknologi kami dan menggunakannya dengan betul sama ada bekerja di lokasi kami atau dari jauh. Penggunaan teknologi, sistem atau data secara tidak wajar akan mendedahkan BlueScope kepada risiko komersial dan reputasi, termasuk virus, pencerobohan keselamatan dan kecurian atau kehilangan harta benda.**



## Bahan panduan

Dasar Keselamatan Maklumat  
Standard Privasi Unit Perniagaan di bawah undang-undang tempatan

Kita semua bertanggungjawab untuk melindungi teknologi dan data BlueScope yang boleh kita gunakan. Kami melarang penggunaan teknologi BlueScope untuk mengakses bahan yang tidak bersesuaian dalam sebarang bentuk format atau keadaan. Kami juga mengharapkan bahawa anda hanya akan menerima maklumat elektronik daripada sumber yang dipercayai.

## Penggunaan teknologi secara peribadi

Kami membenarkan penggunaan teknologi atau sumber BlueScope secara terhad untuk kegunaan peribadi jika ia:

- tidak berkaitan dengan aktiviti perniagaan luar;
- tidak mengakibatkan BlueScope menanggung kos yang tidak wajar; atau
- tidak mengganggu perniagaan BlueScope atau tanggungjawab dan prestasi anda di BlueScope.

## Bahan yang tidak sesuai

Kami mendefinisikan bahan yang tidak sesuai sebagai kandungan yang:

- berunsur pornografi atau seksual;
- mempromosikan keganasan, kebencian, perkauman atau sikap tidak bertolak-ansur;
- menyalahi undang-undang, lucah, menyinggung perasaan, atau mencaci; atau
- merugikan BlueScope jika diterbitkan di domain awam.

Untuk memastikan teknologi dan data kami digunakan secara bertanggungjawab dan sah, kami boleh memantau penggunaan aset teknologi oleh pekerja dan kontraktor kami.

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Gunakan teknologi untuk tujuan yang dibenarkan dan sewajarnya.
- ✓ Lindungi data dan peranti BlueScope daripada kecurian dan simpan kata laluan anda dengan selamat.
- ✓ Laporkan segera akses yang tidak dibenarkan atau percubaan untuk mengakses teknologi atau data BlueScope kepada pengurus dan e-melkan ke [BlueScopeCyberSecurityTeam@bluescope.com](mailto:BlueScopeCyberSecurityTeam@bluescope.com)
- ✓ Lindungi kerahsiaan, integriti dan kesediaan maklumat rakan niaga kami.

### Jangan sekali-kali

- ✗ Muat turun atau pasang perisian atau perkakasan tanpa lesen atau yang tidak sah.
- ✗ Berkongsi kata laluan sistem BlueScope anda dengan orang lain.
- ✗ Benarkan orang lain log masuk dan kendalikan sistem BlueScope menggunakan kelayakan anda.

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Gunakan teknologi dengan bertanggungjawab


Apakah yang akan anda lakukan?  
Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.



## SENARIO 1

**Anda menerima e-mel yang kelihatan mencurigakan walaupun nampaknya ia dihantar daripada alamat e-mel BlueScope yang lain. Apa yang patut anda lakukan?**

Jangan buka lampiran dalam e-mel seperti itu kerana ia mungkin bukan dari sumber yang dipercayai. Kirimkan semula e-mel ke [BlueScopeCyberSecurityTeam@bluescope.com](mailto:BlueScopeCyberSecurityTeam@bluescope.com) untuk siasatan.



## SENARIO 2

**Anda perhatikan rakan sekerja anda menghabiskan banyak masa dalam talian di tempat kerja untuk kepentingan peribadinya termasuk berkongsi gambar dan mengulas orang lain. Apa yang patut anda lakukan?**

Penggunaan teknologi secara terhad di tempat kerja dibenarkan di BlueScope. Walau bagaimanapun, jika anda berasa tidak selesa dengan kandungan tersebut, atau ia menjejaskan kemampuan seseorang untuk melakukan tugasnya, anda harus berbincang dengan mereka. Sekiranya anda masih tidak pasti, anda juga boleh bercakap dengan pengurus anda atau melaporkannya selaras dengan Dasar Bersuara.



## Bahan panduan

Dasar Keselamatan Maklumat  
Standard Privasi Unit Perniagaan di bawah undang-undang tempatan

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul?  
Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

**Kami melindungi perniagaan kami**

Sokongan

# Lindungi maklumat peribadi

**Kami melindungi privasi pekerja dan pelanggan kami dengan memperlakukan maklumat peribadi mereka dengan rasa tanggungjawab, secara sah dan penuh hormat.**



## Bahan panduan

Dasar Privasi Unit Perniagaan  
Dasar Keselamatan Maklumat  
Dasar Pengurusan Rekod

Di BlueScope, kami menghormati maklumat peribadi orang lain dan melindunginya daripada penyalahgunaan, kehilangan dan daripada diakses secara haram atau pendedahan yang tidak dibenarkan.

## Mengumpulkan maklumat peribadi

Kami hanya mengumpulkan maklumat peribadi (maklumat yang dapat mengenal pasti individu) pada masa dan tempat yang perlu untuk menjalankan perniagaan kami dan dengan persetujuan individu tersebut. Kami sentiasa mengambil langkah untuk memastikan maklumat peribadi yang kami simpan tepat dan terkini. Kami tidak pernah menggunakan maklumat peribadi yang dikumpulkan untuk tujuan selain daripada perniagaan.

## Pengurusan privasi dan rekod

Apabila kita mengumpulkan maklumat peribadi bagi pihak BlueScope, kita mesti menasihati orang yang memberi maklumat tentang Dasar Privasi kita. Dasar ini menetapkan cara dan tujuan maklumat dikumpulkan dan memberi maklumat kepada individu tentang cara mereka mengakses maklumat peribadi mereka dalam keadaan tertentu. Semua maklumat peribadi harus dimusnahkan atau dipadam dengan selamat setelah ia tidak lagi diperlukan.

### Pilih untuk melakukan perkara yang betul

#### Sentiasa

- ✓ Periksa keperluan undang-undang yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan, pengekalan dan penyimpanan maklumat peribadi dengan pihak berkuasa tempatan anda. Bercakap dengan pasukan Etika & Pematuhan dan pasukan Undang-undang anda jika tidak pasti.
- ✓ Segera laporkan pendedahan privasi sebenar atau yang disyaki tidak sah kepada pengurus dan wakil Etika & Pematuhan anda.

#### Jangan sekali-kali

- ✗ Mengakses atau berkongsi maklumat peribadi dalam BlueScope tanpa keperluan perniagaan untuk melakukannya.
- ✗ Simpan maklumat peribadi pelanggan, pekerja, kontraktor atau pihak ketiga tanpa persetujuan mereka.

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan

# Lindungi maklumat peribadi

Apakah yang akan anda lakukan?  
Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.



## SENARIO 1

**Anda mempunyai maklumat peribadi pelanggan yang tidak diperlukan lagi. Bolehkah anda menyimpan maklumat tersebut dengan alasan bahawa ia bermanfaat bagi BlueScope pada masa hadapan?**

Tidak. Untuk memastikan bahawa maklumat peribadi hanya digunakan untuk tujuan ia diperoleh dan untuk melindunginya daripada penyalahgunaan, maklumat ini harus dimusnahkan atau dinyahkenal pasti apabila ia tidak lagi diperlukan bagi memenuhi tujuan asalnya.



## SENARIO 2

**Anda menjawab panggilan perniagaan di talian tetap rakan sekerja anda. Mereka memberitahu bahawa mereka telah berbincang sebelum ini, tetapi terlupa untuk mendapatkan nombor telefon bimbit dan alamat e-mel. Adakah anda memberi mereka maklumat?**

Tidak, anda tidak sepatutnya. Maklumat peribadi ini hendaklah dianggap sebagai sulit. Anda harus memberitahu pemanggil bahawa anda akan mengambil maklumatnya dan meminta rakan anda untuk menghubunginya.



### Bahan panduan

Dasar Privasi Unit Perniagaan  
Dasar Keselamatan Maklumat  
Dasar Pengurusan Rekod

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

**Kami melindungi perniagaan kami**

Sokongan

# Mewakili BlueScope dengan cara yang betul

**Kami berbangga dengan BlueScope dan menghargai peluang untuk mewakilinya di luar. Terdapat protokol yang membantu kami mewakili BlueScope dengan cara yang betul ketika berinteraksi dengan pelabur, media, pemerintah, atau mengulas secara terbuka. Ini juga termasuk menggunakan media sosial, berucap di persidangan, atau menghadiri mesyuarat di luar bagi pihak BlueScope.**

## Mewakili BlueScope

Sebagai pekerja, atau kontraktor BlueScope, anda adalah wakil perniagaan. Sebagai syarikat penyenaaran awam, kita diminta untuk mendedahkan maklumat yang tepat pada masanya, teliti dan lengkap supaya pelabur dan masyarakat umum dapat membuat keputusan yang tepat.

Jadi, untuk melindungi BlueScope dan mewakilinya dengan betul, kita mesti memastikan bahawa semua maklumat adalah tepat dan tidak mengelirukan. Secara asasnya, anda mesti menghubungi Hal Ehwal Korporat atau Hubungan Pelabur dalam keadaan berikut:

- sebelum mengadakan hubungan dengan penganalisis dan komuniti pelaburan;
- untuk semua lawatan lokasi oleh pelabur dan penganalisis;
- sebelum menghubungi media, atau untuk semua permintaan atau pertanyaan media (umumnya, ini tidak terpakai pada hubungan media di peringkat produk);
- sebelum menyertai pengucapan awam atau pembentangan persidangan, jika ada potensi pada aktiviti tersebut untuk mempengaruhi persepsi terhadap BlueScope pada peringkat Kumpulan;

- untuk semua permintaan maklumat daripada wakil pihak kerajaan atau menteri.

Seciranya anda mempunyai keraguan, sila hubungi Hubungan Pelabur atau Hal Ehwal Korporat.

## Menggunakan media sosial

Kami menggalakkan penggunaan media sosial apabila kakitangan menggunakannya dengan cara yang betul, dengan pertimbangan dan sewajarnya.

Kami mengharapkan anda sentiasa berhati-hati ketika menggunakan media sosial, walaupun atas keupayaan peribadi. Jangan membuat kenyataan yang mengelirukan atau berkongsi pendapat peribadi yang bertentangan dengan Tujuan Kita dan Ikatan Kita.

Walaupun anda mungkin tidak merujuk kepada BlueScope secara langsung, berdasarkan profil, komen atau catatan media sosial anda, anda mungkin dilihat sebagai mewakili BlueScope. Sebarang penggunaan media sosial yang tidak betul yang boleh merosakkan reputasi BlueScope, termasuk catatan peribadi di laman rangkaian sosial atau profesional, laman web dan forum perkongsian video dan foto tidak boleh diterima.

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✔ Bertindak secara bertanggungjawab semasa anda mewakili BlueScope.
- ✔ Perkenalkan diri anda sebagai wakil BlueScope jika anda merujuk kepada mana-mana orang, produk, perkhidmatan, pesaing, pelanggan atau pembekal.
- ✔ Pastikan semua kandungan yang anda terbitkan adalah fakta dan benar, tidak berpotensi memberi kesan negatif kepada BlueScope, kakitangan, pelanggan atau rakan niaga.
- ✔ Bincangkan permintaan maklumat daripada kerajaan atau wakil menteri dengan pasukan Hal Ehwal Luar atau Korporat tempatan anda (dan rujuk perkara yang boleh memberi kesan kepada BlueScope di peringkat Kumpulan kepada Hal Ehwal Korporat Kumpulan).

### Jangan sekali-kali

- ✘ Mendedahkan atau membincangkan maklumat mengenai BlueScope yang tidak tersedia untuk umum.
- ✘ Terlibat dengan penganalisis dan komuniti pelaburan tanpa persetujuan daripada Naib Presiden Perhubungan Pelabur.
- ✘ Mengulas mengenai khabar angin atau spekulasi pasaran atau media.



#### Bahan panduan

Dasar Pendedahan Berterusan

Dasar Media Sosial

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan



# Mewakili BlueScope dengan cara yang betul

Apakah yang akan anda lakukan?  
Berikut adalah beberapa senario yang mungkin anda temui.



## SENARIO 1

**Anda mempunyai beberapa akaun media sosial, dan ada yang menggunakan nama samaran (bukan nama sebenar anda). Adakah terdapat sekatan semasa menggunakan akaun ini?**

Kami mengharapkan anda untuk bersikap hormat dan jujur dalam semua aktiviti media sosial anda. Ini merangkumi semua akaun yang anda miliki, walaupun menggunakan nama samaran. Ini kerana mana-mana akaun media sosial anda mungkin dikaitkan dengan anda dan kedudukan anda di BlueScope.



## SENARIO 2

**Anda diminta untuk bercakap pada acara komuniti setempat yang ditaja oleh BlueScope. Anda tahu media tempatan akan hadir dan mereka mungkin meminta anda untuk memberi komen tentang prestasi kewangan atau pekerjaan BlueScope di kawasan tempatan. Adakah anda bercakap kepada pihak media?**

Sebelum berinteraksi dengan media, anda mesti menghubungi Hal Ehwal Korporat terlebih dahulu untuk memastikan anda mewakili BlueScope dengan cara yang betul. Adalah penting bahawa apa yang anda katakan selaras dengan kedudukan kita dalam isu-isu ini.



## Bahan panduan

Dasar Pendedahan Berterusan

Dasar Media Sosial

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul?  
Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

**Kami melindungi perniagaan kami**

Sokongan

# Di mana boleh anda dapatkan sokongan?

**Sekiranya anda tidak pasti mengenai sebarang maklumat dalam Tatakelakuan ini, atau memerlukan nasihat lebih lanjut sebelum membuat keputusan, pilihan berikut tersedia untuk anda.**

- Bercakap dengan pengurus anda
- Bercakap dengan wakil pasukan Pekerja tempatan anda
- Hubungi pasukan Undang-undang tempatan anda
- Hubungi wakil Etika & Pematuhan tempatan anda
- Hantarkan e-mel ke [ethics@bluescope.com](mailto:ethics@bluescope.com)
- Hubungi Talian Bersuara BlueScope yang diuruskan secara luaran di [www.bluescopesteelconducthotline.com](http://www.bluescopesteelconducthotline.com)

#### atau melalui telefon

Australia - 1800 052 122  
China - 400 963 6886  
India - 000 8000 402 729  
Indonesia - 001 803 61 001  
Malaysia - 1 800 81 6577  
Mexico - 01 800 123 9589  
New Zealand - 0800 563 465  
Singapura - 800 6167 065  
Thailand - 0018 0061 12804  
USA - 1 855 212 2675  
Vietnam - 613 9667 3613 (bukan bebas tol)

#### Sokongan tambahan tersedia

Perkhidmatan sokongan, termasuk Program Bantuan Pekerja (EAP) tersedia, secara percuma, kepada semua pekerja BlueScope dan ahli keluarga terdekat mereka. Melalui perkhidmatan ini, anda boleh mendapatkan nasihat profesional untuk mengatasi masalah yang sukar dalam hidup. Rujuk kepada pasukan Tempatan anda untuk maklumat lanjut.

Mesej daripada MD dan CEO

Tujuan Kita

Ikatan Kita

Adakah ia dirasakan betul? Ujian Pantas

Bersuara

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah

Kami menghormati komuniti dan alam sekitar kita

Kami melindungi perniagaan kami

Sokongan



**BlueScope**